

Bangkit bersama Yesus, sehati dan sefikiran

Pesan Paskah Uskup Cornelius Piong

Apakah Yesus sungguh Tuhan kita secara peribadi, keluarga, komuniti, ekologi dan sosial?

Selamat Paskah kepada saudara saudari Umat Tuhan yang berjalan bersama dalam Yesus Kristus.

Alleluia, Yesus Tuhan kita sudah bangkit dan kini hidup sesudah mengalami kesengsaraan dan kematian seperti yang dinubuatkan-Nya kepada para murid-Nya (Mat. 16:21, Mark. 8:31, Luk. 9:22).

Kebangkitan Kristus adalah sumber dan inti iman, harapan dan cinta kasih kita murid-murid Yesus.

Santo Paulus pada mulanya adalah seorang anti Kristus, akan tetapi dalam perjalanannya ke Damasyik untuk membunuh pengikut-pengikut Kristus, dia telah bertemu secara peribadi dengan Yesus yang bangkit, hidup dan menyertai serta melindungi para pengikut-Nya (Kis. 9:1-9).

Sebagai seorang yang mengalami pertemuan dengan Yesus yang telah bangkit dan hidup, Santo Paulus dengan penuh keyakinan dan kepercayaan bersaksi kepada umatnya di Korintus, "Jika Kristus tidak dibangkitkan daripada kematian maka berita yang kami khabarkan dan kepercayaan kamu kepada Kristus sia-sia belaka..."

Jika harapan kita kepada Kristus terbatas kepada hidup kita di dunia ini sahaja, maka kitalah yang paling malang antara semua orang di dunia ini" (1Kor. 15:14; 19).

Kepercayaan kepada Kristus yang bangkit dan hidup adalah sumber sukacita dan kebanggaan bagi para murid Yesus sejak dahulu sampai sekarang hidup "sehati sefikiran" (Kis. 4:32).

Kepercayaan kepada Kristus yang bangkit dan hidup adalah sumber komitmen dan kesetiaan

bagi para murid Yesus untuk rela berkorban bagi Yesus seperti dilakukan oleh para Martir seperti Santo Stefanus (Kis. 7:54-60).

Bagaimana dengan kita murid-murid Yesus zaman sekarang?

Mungkin kita sudah lama menerima Sakramen Pembaptisan, mungkin baru juga dan ada juga saudara-saudari yang akan dibaptis pada Malam Paska ini.


Sakramen Pembaptisan adalah ungkapan kepercayaan, harapan dan cinta kasih kita kepada Yesus, yang bangkit hidup dan menyertai kita.

Apakah Yesus sungguh-sungguh kita terima sebagai Tuhan kita secara peribadi, dalam keluarga dan komuniti? Iman Kristiani sejati adalah bersifat relasi dengan Yesus yang bangkit dan hidup bersama kita mempengaruhi dan menentukan supaya kita "sehati dan sefikiran" dengan Dia dalam hal yang menyentuh Keluarga, Gereja, Ekologi dan Sosial.

Semoga perayaan Paska 2023 ini memberi kita semangat baru berkat dorongan Roh Kudus, untuk mahu berjalan bersama sebagai murid-murid-Nya, setia "Datang kepada-Nya, Mendengar Sabda-Nya agar dapat melakukan kehendak-Nya" (Luk. 6:46-48)

Selamat Paskah!

Uskup Cornelius Piong
Keuskupan Keningau, Sabah
April 7, 2023



Gambar: Aleteia.

Sri Paus kirim ribuan ubat untuk mangsa gempa bumi Turki



Kelihatan orang-orang yang kehilangan rumah di Turki, terpaksa tinggal di kem perlindungan. (Gambar: Media Vatikan).

VATIKAN: Dikasteri bagi Karya Amal menghantar lebih banyak ubat-ubatan ke Istanbul bagi memenuhi Sri Paus yang mahu menawarkan lebih banyak bantuan kepada mangsa gempa bumi dahsyat pada Februari 6 yang melanda Syria dan Turki, menyebabkan 50,000 kematian.

Penghantaran awal berlepas pada Mac 27, dan lebih banyak penghantaran diteruskan pada keesokan harinya.

Kedutaan Turki di Takhta Suci telah membantu dalam memberikan panduan 10,000 ubat-ubatan yang paling diperlukan, yang sudah disiapkan dan dalam proses penghantaran.

Negara jiran Turki, Syria, yang mus-

nah akibat gempa bumi dan peperangan, mengakibatkan 15 juta orang dalam kesusahan, turut menerima bantuan kewangan daripada Sri Paus yang dikendalikan oleh Kedutaan Apostolik Vatikan. Kedutaan Vatikan di Syria membantu menyelaraskan proses bantuan agar segera dicapai oleh penduduk yang terjejas.

"Kami menghantar bantuan melalui pesawat *Turkish Airline*," kata Kardinal Konrad Krajewski, *almoner papal*.

Beliau mengucapkan terima kasih kepada bantuan sukarelawan yang memudahkan proses bantuan dihantar segera.

Pada Mac 26, selepas doa *Angelus*, Sri Paus Fransiskus mengajak umat untuk

berdoa bagi negara-negara yang dilanda perang, pergolakan, dan bencana alam.

Bapa Suci tidak pernah 'lupa' mengingatkan umat untuk berdoa bagi Ukraine yang dilanda perang.

Prelatus yang merayakan Pesta Khabar Gembira pada Mac 25, mengajak umat untuk mendedikasikan Ukraine di bawah perlindungan Bonda Maria dan agar damai kembali di Ukraine.

Sri Paus juga menyampaikan doa bagi mangsa bencana alam di Mississippi, Amerika Syarikat dan salam dukacita kepada keluarga mangsa yang maut dalam bencana puting beliung tersebut. — *media Vatikan*

Dua semangat yang tidak boleh dipisahkan

“*Kami hanya hidup, hanya bercita-cita, ditelan sama ada oleh api atau air.*”

T. S. Eliot memang betul namun metafora yang digunakannya masih boleh dicerahkan lagi.

Contohnya: Kita hidup di dunia dengan menghadapi dua tuhan hebat dan saling berbeza antara satu sama lain: kekacauan (*chaos*) dan peraturan (*order*).

Chaos adalah semangat api, kesuburan, risiko, kreativiti, kebaharuan, melepaskan.

Chaos juga adalah semangat belantara, dewa yang membawa gangguan dan kekacauan. Kebanyakan seniman lebih cenderung memilih *Chaos*.

Chaos juga dikenali sebagai dewa tak tertidur, kegelisahan, dan perpecahan. Malah, *Chaos* berfungsi dengan sangat licik, boleh memisahkan atau menyebabkan perpecahan apa yang stabil.

Chaos adalah tuhan yang lebih disembah oleh orang-orang berwatak liberal.

Order pula adalah dewa air, berhemah, suci, berakal, kestabilan, bertahan. Dia adalah dewa yang bertimbang rasa. Dia suka sistem, kejelasan, dan dasar yang tidak mudah goyah.

Order lebih digemari oleh orang-orang berwatak konservatif. Hanya sedikit seniman yang mengambil *Order* sebagai inspirasi.

Namun *Order* lebih terkenal di kalangan dunia korporat dan gereja kerana ia lebih seimbang.

Secara keseluruhannya, *Order* adalah tuhan mereka. Dia juga boleh menjadi dewa kebosanan,

kegelisahan, dan tegas.

Bersamanya, anda tidak akan sesat, tetapi anda mungkin ‘mati lemas’. Namun, meskipun ia tidak menjana banyak keseronokan, dewa ini membuat ramai orang waras dan hidup.

Chaos dan *Order*, api dan air, saling bertentangan, mereka tidak serasi. Walau bagaimanapun, kedua-duanya menuntut penghormatan daripada kita.

Malangnya, kita selalu salah anggap dan berat sebelah akan kedua-dua semangat itu.

Kita cenderung memikirkan untuk komited kepada satu ‘dewa’ sahaja sama ada *Order* atau *Chaos*, ia adalah berbahaya.

Sama ada kita setia kepada salah satunya, atau tidak mempedulikan salah satu, ia boleh membawa kemusnahan diri.

Apabila kita hanya memilih *chaos*, ia boleh menguasai diri kita.

Tanpa kawalan dari *order*, moral dan emosi, kita tidak dapat melepaskan kegelapan yang tidak dapat disembuhkan.

Inilah yang dimaksudkan bahawa kita boleh “jatuh” berantakan apabila kedua-dua semangat itu tidak disimpan di dalam peribadi kita.

Begitu juga sebaliknya, apabila *order* menghilangkan seluruh huru-hara dan kebaikan diri tertentu, kita mungkin terperangkap dengan semangat ego, yang berlagak seperti Tuhan, atau kegembiraan kita mulai terhakis dan hidup kita boleh punah.

Adalah berbahaya untuk memilih *chaos* sahaja dan tidak me-



nerima *order*.

Kedua-dua semangat itu diperlukan. Jiwa, gereja, kehidupan praktikal, struktur masyarakat, dan cinta itu sendiri memerlukan bantuan dari pelbagai elemen, *order* dan *chaos*.

Jika terlalu banyak elemen api, banyak benda yang akan terbakar dan memusnahkan apa yang baik.

Terlalu banyak elemen air pula boleh menyebabkan kelembasan dan kebekuan.

Sama juga halnya dalam percintaan, apabila ia tidak dilakukan dengan serius, ia menimbulkan kecurangan; apabila terlalu banyak kelembutan dalam cinta, ia boleh diambil kesempatan, menyebabkan cinta itu susut dan kecut.

Oleh itu, kedua-dua semangat ini diperlukan-dalam kehidupan praktikal, dalam kehidupan romantik, dalam *ecclesiology*, dalam moral, dalam perniagaan dan kerajaan.

Risiko dan kebijaksanaan, muzik rock dan kidung Gregorian, kedua-duanya mengandungi be-

berapa bisikan Tuhan.

Jangan berbuat sesuatu yang mungkin ada akan kesali atau acuh tak acuh sahaja.

Ini tidak menghairankan kerana Tuhan, Tuhan Yesus Kristus, adalah Tuhan untuk api dan air, *chaos* dan *order*, liberal dan konservatif, kesucian dan cinta yang mengam-puni.

Tuhan adalah titik permulaan yang hebat dan Tuhan juga merupakan prinsip kebaharuan, kesegaran, dan kebangkitan.

Thomas Aquinas pernah mendefinisikan jiwa manusia sebagai terdiri daripada dua prinsip iaitu prinsip tenaga dan prinsip integrasi.

Salah satu prinsip menjadikan kita hidup manakala satu prinsip lagi melengkapi kita.

Kedua-dua prinsip ini perlu diletakkan atau diguna pakai bersama. Salah satunya tidak boleh dihilangkan.

Kedua-dua prinsip ini, meskipun ia saling berlawanan tetapi pada masa yang sama, ia juga sangat memerlukan satu sama lain.

Jiwa yang sihat membuat kita bertenaga, bersemangat untuk hidup, dan jiwa yang sihat juga boleh membuat kita berprinsip tegas dan mengenal peribadi sendiri.

Jiwa kita perlu dipupuk dengan tenaga dan integriti, semangat dan perpaduan.

Tuhan adalah cinta, dan cinta mahu dan memerlukan kedua-duanya: *order* dan *chaos*.

Cinta mahu sentiasa membina kediaman, menetap, untuk mewujudkan tempat yang tenang, stabil dan suci.

Sesuatu di dalam diri kita mahu ketenangan syurga dan dengan itu cinta adalah tentang perintah. Ia mahu mengelakkan perpecahan emosi dan moral.

Tetapi cinta juga mengenai huru-hara.

Ada sesuatu yang ingin dilepaskan oleh cinta, yang ingin diambil, yang ingin menyerahkan sempadannya, yang mahukan yang baru, asing, dan yang ingin melepaskan diri daripada peribadi lama.

Itulah prinsip subur dalam cinta yang telah menjadikan umat manusia meneruskan kehidupan. Tuhan membenarkan kedua-dua semangat ini iaitu *chaos* dan *order*, bahawa memiliki kedua-duanya dapat menjaga tekanan yang sihat.

Untuk menjadi sihat, kita perlu menyatukan dua semangat ini dalam diri kita dan kita perlu menyatukannya.

Kerana dua semangat ini dapat melengkapi antara satu dengan lain, meskipun ada masanya, pada masa-masa tidak diduga, kedua-dua semangat ini boleh “bergeser” dan saling bertentangan, namun tidak mustahil untuk meredakan serta kembali tenang.

Seperti cuaca, selepas ribut yang kencang, cuaca kembali cerah dan tenang.

Di dalam “ribut” ada kehidupan dan ada Tuhan. *Chaos* dan *Order* berjalan seiringan, umpama dibakar ke dalam api keinginan yang sengit dan dialirkan ke perairan air yang tenang yang mendorong kepada penyerahan diri.

— *Hakcipta Terpelihara 1999-2023 @ Fr Ron Rolheiser*

Mengenali tanda kehadiran Yesus

Bagi kita umat Kristian, Paskah adalah suatu pemberian kepastian bahawa kematian bukanlah akhir hidup kita seutuhnya. Kebangkitan Yesus merupakan bukti, bahawa Tuhan selalu mendampingi dan memberi kekuatan kepada kita, untuk sentiasa tekun dan teguh, tetap kuat mengalami apa pun percubaan hidup.

Paskah memberikan kepada kita suatu jati diri, identiti murni yang pasti: kita ini diselamatkan, maka sebagai orang beriman Kristian, jangan sampai hidup dengan ketakutan dan kehilangan harapan!

Sepanjang musim Pra-Paskah, khususnya selama Triduum, kita telah mendengar betapa besar perhatian dan pelaksanaan rencana kasih Tuhan untuk menyelamatkan kita.

Kita telah mendengar kesaksian tiga orang wanita (Maria Magdalena, Maria ibu Yakobus, Salome) tentang kebangkitan Yesus.

Khususnya kesaksian Maria Magdalena patut kita perhatikan. Dalam Injil, Maria Magdalena dikisahkan sebagai seorang wanita

dari Galilea, yang mengikuti Yesus dan murid-murid-Nya. Dia melayani Yesus dan hadir menyaksikan ketika Yesus disalib dan dimakamkan.

Dan dia juga datang ke makam untuk mengurapi jenazah Yesus.

Perlu kita perhatikan, bahawa Yesus hidup dalam masyarakat yang bercorak ‘*androsentris*’ atau berpusat pada atau dikuasai oleh lelaki. Wanita pertama-tama dianggap sebagai milik bapanya, baru kemudian milik suaminya. Wanita tidak punya hak sebagai saksi, tidak boleh belajar Taurat.

Nah, Yesus yang hidup dalam masyarakat itu bertindak tanpa mengurangi martabat perempuan yang sama dengan lelaki. Yesus bergaul dengan wanita, menghormati mereka, bersahabat dengan mereka. Dalam perjalanan, Dia didampingi oleh wanita-wanita.

Dalam Injil Yohanes 20:11-18 diceriterakan, bahawa Maria Magdalena sedih dan menanngis kerana Yesus ternyata tidak ada di makam lagi.

Yesus menyapa dia, “Ibu (‘wani-

ta’, ‘perempuan’) mengapa engkau menanngis? Siapakah yang engkau cari?”

Maria Magdalena menjawab: ‘Tuan, jikalau Tuan yang mengambil Dia, katakanlah kepadaku, di mana Tuan meletakkan Dia, supaya aku dapat mengambil-Nya’ (ay. 15).

Kata Yesus kepadanya: “Maria!” Maria berpaling dan berkata kepada-Nya dalam bahasa Ibrani: “Rabuni!”, yang bererti Guru.

Dalam tutur kata itu terungkap hubungan ‘Guru-Murid’ yang erat antara Yesus dan Maria Magdalena, malah juga dengan murid-murid-Nya yang lain yang sangat mendalam.

Dan hubungan erat itu terungkap dalam ucapan Yesus ini: “Pergilah kepada saudara-saudara-Ku dan katakanlah kepada mereka, bahawa sekarang Aku akan pergi kepada Bapa-Ku dan Bapamu, kepada Tuhan-Ku dan Tuhanmu” (ay. 17).

Ternyata cara Tuhan menyampaikan sabda dan kehendak-Nya kepada manusia tidak tergantung dari tata susunan atau tata tertib,

HARI RAYA KEBANGKITAN KRISTUS

KISAH PARA RASUL 10:34A-37-43

KOLOSE 3:1-4

INJIL YOHANES 20:1-18

yang dibuat dan ditentukan oleh manusia.

Hirarki karya penyelamatan Tuhan memiliki caranya sendiri. Kepada Maria Magdalena, seorang wanita yang dalam masyarakat zamannya mempunyai kedudukan kedua sesudah lelaki, namun Yesus telah menampakkan diri-Nya sesudah bangkit bukan pertama-tama kepada Petrus dan para Rasul lainnya, tetapi kepada Maria Magdalena.

Kepada Maria inilah, Yesus memberikan tugas perutusan per wartaan tentang kebangkitan-Nya.

Maka tepat pula bahawa dalam Gereja Perdana, Maria Magdalena disebut ‘*Apostola Apotolorum*’, Rasul Para Rasul.

Sebab Maria Magdalena, se-

orang wanita, orang pertama yang menjadi saksi Yesus yang telah bangkit, dan mewartakan kebangkitan-Nya itu kepada rasul-rasul lain.

Salah satu bahagian isi khabar gembira Paskah, yang pada zaman moden ini masih patut untuk diperhatikan: wanita adalah sama martabatnya di hadapan Tuhan seperti lelaki.

Wanita juga diutus Yesus Kristus untuk mewartakan khabar gembira kepada semua orang. Namun jangan sampai kaum lelaki mengang-gap hal pewartaan khabar gembira yang diserahkan kepada semua pengikut atau murid-Nya, — iaitu setiap orang yang sudah dibaptis! — bukan hanya tugas kaum perempuan saja. — *santapan rohani*

Roh Kudus memampukan umat lakukan karya-karya di luar jangkauan

KENINGAU: Komite Inti Pembaharuan Karismatik Katolik (KiPKK) Katedral St Francis Xavier telah menganjurkan retret khusus untuk para pelayan KiPKK.

Seramai 165 pelayan KiPKK menyertai retret yang diadakan pada Mac 10-11, di Gereja St Joseph Minawo, Keningau.

Pelbagai pengisian disediakan untuk menyemarakkan kembali semangat pelayanan para tim KiPKK selepas pandemik.

Pada hari pertama retret, diketuai oleh Sdra Jika George iaitu Pengerusi KiPKK Paroki KSFX membawa para peserta berdoa dalam cara karismatik.

“Saya merasakan damai sukacita, dan ada kerinduan yang begitu dalam untuk memuji Tuhan”, kata salah seorang dari peserta retret selepas sesi pujian dan penyembahan itu.

Pada hari kedua, Sdra Jika berkongsi tentang pelbagai cara dalam menghadapi masalah berkaitan pengalaman.

Menurut perkongsian Sdra Jika, kita perlu mengarahkan kembali fokus terhadap pertumbuhan iman dan selalu mengandalkan Roh Kudus dalam kehidupan kita sehari-hari.

Sesi seterusnya yang dikendalikan oleh Katekis Victor Ekan, mengobarkan kembali urapan Roh Kudus dengan cara, menghayati dan meresapi Firman Tuhan serta mengungkapkan iman melalui tindakan kasih kita kepada sesama.

Sdra Lius Yonolon, yang sudah lama melayani dalam KiPKK, berkongsi suka duka beliau tentang awal penglibatannya dalam pelayanan hingga sekarang.



Para peserta retret di Gereja St Joseph Minawo, sedang khusyuk berdoa dalam salah satu sesi mereka.

Lius menyeru kepada semua tim KiPKK untuk terus bertahan, dan mengobarkan urapan Roh Kudus dalam pelayanan, kerana tujuan utama pelayanan kita ialah membawa kasih Kristus kepada sesama.

Beberapa peserta retret ini meluahkan rasa syukur dan mendapat kelegaan selepas menyertai retret itu.

Salah seorang peserta yang tidak mahu namanya ditulis mengatakan, “Saya terasa beban yang saya pikul selama ini, menjadi ringan. Retret ini mengingatkan saya untuk

kembali menjalin hubungan akrab dengan Tuhan dan membangun kerohanian peribadi.”

Seorang wanita Katolik yang mahu dikenali sebagai Maini, mengongsikan impak pengampunan yang dialaminya.

Katanya setelah mengampuni diri sendiri dan orang lain, dia merasakan semula sukacita dan kesegaran iman untuk kembali melayani.

Retret itu diakhiri dengan lagu-lagu pujian dan makan bersama. — *Melissa Floly*

Karya amal kumpulan pelayanan doa sentuh ramai hati orang

KUALALUMPUR: Pelayanan Doa Keuskupan Agung Kuala Lumpur telah mengadakan aktiviti memberi bantuan barangan keperluan kepada mereka yang membantu kita menjaga kebersihan jalan raya.

Selama beberapa minggu, individu, keluarga, KED dan perkumpulan telah menderma pelbagai barangan keperluan seperti beras, minyak, biskut dan makanan dalam tin.

Pada hari aktiviti itu, mereka yang menyertai berhimpun di Gereja St Anthony untuk berdoa rosari sebelum memulakan misi mereka.

Mereka membawa 70 beg barangan keperluan dan 100 tray telur untuk dibahagi-bahagikan di pelbagai lokasi iaitu Taman Tasik, Bangsar dan Brickfields.

Penerima sumbangan sangat gembira dan berterima kasih di atas sumbangan yang diberi.

Penghuni Rumah *Samaritan Hope* juga turut dilawati. Pembantu Pelayanan Doa Eklestikal Keuskupan Agung, Fr Andrew Manickam OFM Cap, dan ahli-ahli, mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada mereka yang menyumbang, berdoa, dan membantu menjadikan misi itu sebagai berkat kepada sesama. khususnya yang memerlukan.



Kumpulan sukarelawan sedang menghimpunkan barangan keperluan yang akan diagih-agihkan kepada saudara dan saudari yang membantu kita menjaga kebersihan jalan raya.

Tanya Jawab



Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja?

Hantarkan soalan anda ke:

HERALD
5, Jalan Robertson,
50150 Kuala Lumpur

Tel: 03-2026 8291

Email:
liza@herald.com.my

Kebangkitan Yesus, hari ketiga atau sesudah?

Soalan: Manakah yang benar: Yesus bangkit sesudah tiga hari atau pada hari ketiga? — *Ingin Tahu*

Jawaban: Persoalan pada hari ketiga dan sesudah hari ketiga muncul dari Injil sendiri. Dua keterangan waktu itu dapat ditemukan dalam Injil, dan menunjuk waktu kebangkitan Yesus yang sama saja.

“Pada hari ketiga” dipakai dalam Mat. 17:22-23, pada sabda Yesus kepada murid-murid-Nya di Galilea. “*Ia berkata kepada mereka: ‘Anak Manusia akan diserahkan ke dalam tangan manusia dan mereka akan membunuh Dia dan pada hari ketiga Ia akan dibangkitkan.’*”

Juga dalam Luk. 9:22: “*Anak Manusia harus menanggung banyak penderitaan dan ditolak oleh tua-tua, imam-imam kepala dan ahli-ahli Taurat, lalu dibunuh dan dibangkitkan pada hari ketiga.*”

Frasa “sesudah hari ketiga” terdapat dalam Mat. 27:62-64 dan Mrk. 8:31.

Petikan pertama adalah mengenai permintaan orang-orang Farisi kepada Pilatus sesudah kematian Yesus. “*Tuan, kami ingat, bahawa si penyesat itu, sewaktu hidup-Nya berkata: Sesudah tiga hari Aku akan bangkit.*”

Kerana itu perintahkanlah untuk menjaga kubur itu sampai hari yang ketiga; jikalau tidak, murid-murid-Nya mungkin datang

untuk mencuri Dia, lalu mengatakan kepada rakyat: Ia telah bangkit dari antara orang mati, sehingga penyesatan yang terakhir akan lebih buruk akibatnya dari pada yang pertama.”

Dalam Injil Mrk. 8:31, dikisahkan ajaran Yesus tentang kematian-Nya, “*bahawa Anak Manusia harus menanggung banyak penderitaan dan ditolak oleh tua-tua, imam-imam kepala dan ahli-ahli Taurat, lalu dibunuh dan bangkit sesudah tiga hari.*”

Menurut perhitungan Yahudi, dua informasi itu menunjuk hari yang sama. Cara perhitungan seperti ini misalnya kita temukan dengan jelas dalam 2 Taw 10:5.

Dikisahkan bahawa Yerobeam, musuh Salomo ayah Rehabeam, datang dengan maksud untuk menghamba padanya.

Kerana hendak lebih dulu mendengarkan penasihat-penasihatnya, Rehabeam memintanya datang lusanya (itulah terjemahan yang dipakai oleh Kitab Suci bahasa Indonesia, tetapi dalam bahasa aslinya dipakai kata sesudah tiga hari: *post tres dies, after three days* bdk. Kitab Suci ASV atau KJV).

Dalam 2 Taw. 10:12, Yerobeam datang lagi. Kata keterangan waktu yang dipakai di sini adalah “pada hari ketiga” (dalam Kitab Suci terjemahan Indonesia dimaknai sama: lusanya). Jelaslah, “sesudah hari ketiga” sama ertinya dengan “pada hari ketiga”.

Perhitungan hari orang Yahudi memang berbeza. Hari dimulai saat matahari terbenam sampai matahari terbenam berikutnya. Jadi, bukan dari terbitnya matahari sampai terbit berikutnya, sebagaimana perhitungan kita.

Selain itu, penghitungan hari Yahudi bersifat inklusif. Ertinya hari di mana kita mulai sudah dihitung sebagai hari pertama.

Menurut kesaksian Injil, baik Sinoptik mahupun Yohanes, Yesus disalibkan pada hari Jumaat (15 Nisan pada pesta Paskah Yahudi menurut Sinoptik dan 14 Nisan pada hari persiapan sebelum pesta Paskah menurut Yohanes), pukul 9.00 (pukul 3.00 petang menurut waktu kita, kerana perhitungan Yahudi mulai jam 6.00 pagi kita).

Hari ini sudah dihitung sebagai hari pertama, yang sudah merangkum malam perjamuan Yesus sebelumnya dan akan berakhir pada matahari terbenam (pukul 6.00 petang kita).

Pada jam itu juga hari kedua mulai. Kerana itu hari kebangkitannya pada hari pertama minggu itu (ertinya hari Minggu, hari pertama sesudah Sabat (Yoh. 20:1; bdk. Mat. 28:1; Mrk. 16:2)), adalah hari ketiga sesudah kematian-Nya.

Dengan memperhatikan hal itu, Syahadat memakai ungkapan ini: “*Pada hari ketiga Ia bangkit menurut Kitab Suci*” (*et resurrexit tertia die, secundum Scripturas*). — *Fr Gregorius Hertanto MSC, hidupkatolik.com*

Sahabat kecil Yesus

YESUS YANG DISALIBKAN ITU ... SUDAH BANGKIT!

Hello adik-adik,

Selamat menyambut Hari Raya Besar Paskah!

Kristus sudah bangkit! Alleluia! Alleluia! Alleluia!

Rasul Paulus mengatakan, "Andai-kata Kristus tidak dibangkitkan, maka sia-sialah pemberitaan kami dan sia-

sialah juga kepercayaan kamu (1 Kor 15:14).

Ya, adik-adik, andai Yesus datang ke dunia begitu sahaja, tanpa kesengsaraan, penyaliban dan dibangkitkan pada hari ketiga, maka Dia sama dengan nabi-nabi lain.

Tetapi, Yesus, seperti yang dinubuatkan dalam Perjanjian Lama,

mengalami wafat dan kebangkitan sekaligus mengalahkan kuasa kejahatan.

Kebangkitan Yesus juga menandakan Dia adalah Kebenaran, Jalan dan Hidup!



Adik-adik, sempena perayaan sukacita ini, mari kita berdoa kepada Sang Kebangkitan dan Hidup, agar kita

selalu bangkit dan berjalan bersama Dia. Kita juga mendoakan bagi rakan-rakan kita yang sedang dalam kesusah atau kemiskinan, semoga kuasa kebangkitan Yesus menghiburkan dan meneguhkan semangat mereka.

Salam Sayang Auntie Melly

Maka berangkatlah Petrus dan murid yang lain itu ke kubur ... (Yoh 20:3)

Cari LAPAN perbezaan pada gambar di bawah.



CARI PERKATAAN TERSEMBUNYI PADA GAMBAR DI BAWAH:

KAIN KAPAN - KUBUR - BERLARI - MURID - MELIHAT - PERCAYA - GELAP

H	C	S	K	U	B	U	R	D	K
M	W	D	O	M	L	J	Z	Y	A
U	V	C	B	E	R	L	A	R	I
R	E	K	J	W	S	H	O	T	N
I	Y	N	M	D	S	K	G	E	K
D	K	Y	P	E	R	C	A	Y	A
R	J	O	Q	S	G	E	L	A	P
M	E	L	I	H	A	T	Y	D	A
E	R	T	Y	G	J	H	B	O	N



Simbol-simbol di bawah mempunyai kata tertentu. Bongkar simbol tersebut dan tuliskan jawapan yang betul bagi membaca firman Tuhan.

Mat 28:7

kamu →
mencari ✎
mengapa ✎
hidup ✎
yang 😊
tidak ada 💾

di sini 📄
di antara ⚡
orang mati 🌸
telah ✎
Dia ✕
bangkit ☀



BELIA MILENIUM



PBK-14, dekati golongan kurang terjangkau

KOTA KINABALU: “Siapa golongan paling ‘kurang terjangkau’ yang boleh dibantu oleh belia kita?” Soalan ini merupakan isu utama yang dibincangkan oleh 186 wakil dari semua paroki di Keuskupan Agung Kota Kinabalu semasa Program Persiapan Pesta Belia Keuskupan (PBK), yang diadakan pada Mac 3-4 lalu di Pusat Msgr Watcher.

Program ini bertujuan untuk mempersiapkan Pelayanan Tim Belia Paroki (TBP) dari segi mental dan rohani untuk PBK-14, sebuah acara besar untuk belia Katolik di bawah naungan Keuskupan Agung Kota Kinabalu yang bakal diadakan di Paroki Holy Rosary, Limbau pada Ogos 27-30.

Festival belia yang ditunggu-tunggu ini bermula sejak tahun 1983. Ia diadakan sekali setiap empat tahun. PBK-13 terakhir diadakan pada tahun 2018 di Paroki St John Tuaran.

PBK-14 yang sepatutnya diada-

kan pada awal tahun 2022 telah dijadualkan semula ke tahun 2023 disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan oleh kerajaan yang melarang perhimpunan berskala besar semasa pandemik Covid-19. Semasa program persiapan, pemimpin belia dari pelbagai paroki dibimbing untuk memahami keadaan belia Katolik yang sangat terkesan dengan masalah akibat pandemik.

Maka, golongan ini adalah keutamaan dan fokus rangka kerja bagi para peserta dalam memahami keadaan pastoral belia. Menggunakan metodologi “SEE – JUDGE – ACT”, para pemimpin belia dibahagikan dalam kumpulan dan dibimbing untuk membincangkan realiti yang dihadapi oleh belia di paroki masing.

Dalam perbincangan itu, setiap kumpulan menjana idea dan perkongsian tentang pendekatan sesuai atau dapat digunakan dalam menghadapi situasi, serta memutuskan pelan tindakan untuk mendekati golongan belia yang rapuh tersebut.

Para peserta juga diperkenalkan dengan perkataan, “least accessible” yang juga merupakan salah satu isu utama yang dibincangkan



dalam pertemuan baru-baru di peringkat kebangsaan.

Salah seorang fasilitator, Dennis Patrick, dalam sesinya mengatakan, beliau memahami makna mendalam tentang perkataan “least accessible” melalui pengalamannya dengan salah seorang anak saudaranya, yang mengagumi kepimpinan Dennis. Anak itu, memberitahu ibu bap-

anya bahawa dia mahu menjadi seperti Dennis, namun Dennis menyedari bahawa ada ahli keluarga yang secara fizikal akrob dengan-nya tetapi secara rohani “jauh” kerana pelbagai sebab.

Pada akhir program, para peserta diseru untuk kembali ke paroki masing-masing untuk memulakan program ‘reach out’ mereka. — **Catholic Sabah**

Menjadi sahabat seperti Paulus dan Timotius

KUALA LUMPUR: Bagi membantu para belia ini untuk meleraikan pelbagai persoalan hidup mereka, Jaringan Kaum Muda Katolik (CYAN KL) telah menganjurkan program yang membawa para peserta bersantai bersama Tuhan pada hujung minggu, dalam retret bertema, “God Calls and Enlightens Us” di Pusat Pastoral Keuskupan Agung, pada Mac 3-5 lalu.

Retret itu juga bermatlamat sebagai peringatan mesra kepada golongan muda, agar sekali sekala berehat atau mengundurkan diri dari kesibukan bagi kesihatan minda dan fizikal mereka.

Para peserta didampingi oleh Tim Pastoral Single Adults and Youth Office (ASAYO KL) di mana para peserta dibantu melalui sesi renungan berdasarkan pembacaan Kitab Kejadian 12:1-4 pada hari pertama.



Para peserta retret mengeratkan persahabatan antara sesama sambil memperbaharui iman dan misi mereka.

Petikan itu membantu belia melihat bagaimana Abram menunjukkan keyakinannya kepada Tuhan, meskipun diiringi dengan perasaan cemas dan takut, tetapi dia menerima misi yang

mentransformasikan hidupnya. Usia tua Abram juga bukan penghalangnya untuk melaksanakan kehendak Tuhan

Setiap sesi dalam retret itu meneguhkan para peserta untuk memberi perha-

tian dan memperbaharui iman mereka bahawa Tuhan itu Hidup serta meletakkan harapan mereka kepada Roh Kudus. Mereka juga diseru untuk mengenal panggilan dan misi mereka.

Para peserta juga dibawa ke Sisiran Floria, Putrajaya untuk menyaksikan matahari terbit dan berkelah di tepi tasik sambil mempelajari beberapa teknik penjagaan diri.

Kemudian, mereka membincangkan petikan dari Timotius 1: 8-10 yang menyerlahkan persahabatan Paulus dan Timotius serta digalakkan untuk menjadi sahabat kepada orang lain seperti Paulus dan Timotius.

Retret diakhiri dengan refleksi berdasarkan Matius 17: 1-9 di mana mereka mencatat perasaan atau emosi sekiranya mereka menyaksikan Transfigurasi Tuhan.

Industri AI harusutamakan martabat manusia

VATIKAN: Sri Paus Fransiskus mengatakan teknologi baharu seperti *Artificial Intelligence* (AI) atau 'kecerdasan buatan' dan pembelajaran mesin dapat bermanfaat bagi masyarakat asalkan ia menghormati martabat manusia.

"Nilai dasar yang harus kita akui dan promosikan adalah martabat peribadi manusia," kata Sri Paus semasa pertemuan dengan para peserta Dialog Minerva, Mac 27 lalu di Vatikan. Dialog ini dianjurkan oleh Dikasteri untuk Pendidikan dan Budaya.

"*Minerva Dialogues*" merupakan pertemuan para ilmuwan, jurutera, usahawan, peguam, ahli-ahli teologi Katolik dan mereka yang terlibat dalam teknologi kecerdasan buatan untuk membincangkan pelbagai isu teknologi digital.

Sri Paus Fransiskus yang sering menjadi mangsa foto palsu mendorong mereka yang terlibat dalam teknologi AI agar mementingkan martabat setiap lelaki dan wanita

ciptaan Tuhan.

Namun pada masa yang sama, Bapa Suci melahirkan kebimbangan rasa hormat itu hilang, sebagai contoh, perisian pintar buatan digunakan untuk memanipulasi ayat undang-undang dengan mengubah rekod jenayah individu dan data umum.

Data itu boleh tercemar oleh prejudis dan prasangka sosial," kata paus itu.

"Nilai asas seseorang tidak boleh diukur dengan satu set data."

"Tingkah laku seseorang individu masa lampau tidak boleh digunakan untuk menafikan peluang beliau untuk berubah, berkembang dan menyumbang kepada masyarakat," katanya.

"Kita tidak boleh membenarkan algoritma membataskan atau melanggar maruah manusia, dan kita juga tidak boleh membenarkan dikecualikan dari belas kasihan, pengampunan dan, yang paling penting, keterbukaan untuk mengharap perubahan peribadi."



Sri Paus Fransiskus bertemu dengan peserta Minerva Dialogues di Vatikan.

Bapa Suci mengajak para pemimpin industri AI untuk mempertimbangkan bagaimana inovasi mereka boleh mewujudkan masyarakat yang lebih saksama dan inklusif.

Prelatus itu mengucapkan terima kasih kepada pemimpin teknologi kerana terlibat

dalam perbincangan mengenai penggunaan teknologi yang bertanggungjawab serta terbuka kepada nilai-nilai agama seraya mengatakan bahawa dialog antara penganut agama dan orang yang tidak percaya kepada sains dan etika "adalah jalan untuk pembangunan perdamaian dan pembangunan manusia yang penting." — *media Vatikan*

Pembunuh dua paderi Yesuit ditemui mati

MEXICO: Pembunuh yang disyaki membunuh dua orang paderi Yesuit pada tahun lalu, ditemui mati dalam keadaan seperti dibunuh.


Kongregasi Yesuit tidak berpuas hati kes yang berakhir sedemikian, kerana ia memperlihatkan reputasi Mexico yang lemah dalam mengendalikan hal-hal jenayah dan ketidakadilan.

Kematian suspek, José Noriel Portillo Gil, "sama sekali tidak boleh dianggap sebagai kemenangan untuk keadilan, atau penyelesaian kepada masalah struktur keganasan" di rantau Sierra Tarahumara, ujar Fr Luis Gerardo Moro, jurucakap Yesuit di wilayah Mexico dalam satu kenyataan media, Mac 26.


Semakin ramai klerus Katolik yang menyuarakan keprihatinan mereka tentang keganasan meningkat di Mexico.

Sekurang-kurangnya tujuh paderi Mexico telah dibunuh sejak López Obrador mengambil alih jawatan sebagai presiden Mexico pada Disember 2018.

Mexico terus menjadi tajuk utama skandal bagi keganasan kartel dadah — seperti serangan ke atas empat rakyat AS di bandar sempadan Matamoros, yang meragut tiga nyawa pada Mac lalu di mana presiden Obrador hanya mengatakan, "Di Mexico tidak ada pembunuhan sedemikian." — *media Vatikan*



Fr Javier Campos Morales, SJ



Fr Joaquín César Mora Salazar, SJ

Paderi adalah gembala, bukan pejabat

ROMA: Sri Paus Fransiskus bertemu dengan para seminarian dan uskup dari Calabria, Itali, di mana prelatus itu memberi semangat kepada mereka untuk menyesuaikan pembentukan paderi dengan tanda-tanda zaman serta berjalan bersama dalam persatuan dan persaudaraan.

Sri Paus Fransiskus menggesa para seminarian, formator, dan Uskup Calabria untuk mengatasi halangan pastoral baharu di Keuskupan mereka dengan memperbaharui kaedah pembentukan paderi.

Bapa Suci bertemu dengan para mahasiswa dan staf seminari yang menemani uskup mereka dalam kunjungan *ad limina* mereka ke Roma, di *Consistory Hall* Vatikan, pada Mac 27, 2023.

Bapa Suci berterima kasih kepada para formator atas karya mereka yang sungguhpun tidak dikenali dan tersembunyi, malah kerap 'terluka' demi membentuk para seminarian "yang memerlukan pendampingan dan penegasan setiap hari."



Sri Paus bertemu dengan seminarian dan uskup dari Calabria, Itali.

Bapa Suci kemudian menyampaikan renungan dari Injil Yohanes: 'Mereka tinggal bersamanya' (Yoh 1:39), yang merujuk pada para murid pertama yang mengikuti Yesus.

Kata-kata itu mengingatkan para paderi akan dasar pelayanan mereka: 'Ini adalah panggilanmu, untuk berjalan bersama umat

dan Tuhan, untuk mewartakan belas kasihan Tuhan ...," pesan Sri Paus.

"Dan berhati-hatilah agar tidak jatuh dalam perangkap klerikalisme iaitu salah satu bentuk keduniawian paling jelek namun boleh 'menyerang' para paderi.

Kepada para Uskup yang hadir, Sri Paus mengundang mereka untuk merenungkan Gereja seperti apa yang mereka impikan, dan berdasarkan renungan itu, para paderi diminta untuk membayangkan bagaimana memimpin domba-domba mereka.

Sri Paus menegaskan, para paderi perlu keluar menjangkau umat melihat sendiri keperluan umat khususnya para belia dan mereka yang memerlukan.

Pada akhir pertemuan itu, Sri Paus menggesa para seminarian dan Uskup untuk "berani" memperkenalkan perubahan-perubahan yang diperlukan, dan untuk selalu bertindak dan berjalan bersama "dalam kasih, persatuan, dan persaudaraan." — *media Vatikan*

UNICEF lancar seruan selamatkan kanak-kanak Sahel

BURKINA FASO: Laporan UNICEF yang baru-baru ini diterbitkan mengungkapkan bahawa sepuluh juta orang kanak-kanak di Burkina Faso, Mali dan Niger sangat memerlukan bantuan kemanusiaan.

Dinyatakan juga bahawa akibat konflik berterusan di negara-negara berdekatan telah mencetuskan akibat yang semakin memburuk.

Sepuluh juta kanak-kanak di Sahel Tengah memerlukan bantuan kemanusiaan, ia meningkat dua kali lebih tinggi berbanding

tahun 2020.

Laporan bertajuk, "*Child alert: Extreme jeopardy in the central Sahel*", diterbitkan pada Mac 17 oleh pejabat UNICEF di Afrika Barat dan Tengah, menyeru masyarakat dunia untuk prihatin serta menghulurkan bantuan bagi kanak-kanak yang berisiko tinggi mengalami kekerasan, kehilangan pendidikan, direkrut sebagai tentera kanak-kanak, menjadi pelarian serta kurang nutrisi.

Pakar komunikasi UNICEF untuk Afrika

Barat dan Tengah, John James, berbicara kepada *Radio Vatikan* tentang penderitaan anak-anak yang terjebak dalam kekerasan di Burkina Faso, Mali dan Niger, dan peningkatan ketegangan di negara-negara tetangga yang membawa risiko kemudaratan kepada populasi kanak-kanak di wilayah Sahel.

Katanya, dalam beberapa akhir tahun ini, ketegangan di negara-negara tetangga Sahel, merebak ke selatan Afrika dan ke negara-negara di sepanjang pantai Afrika.

Seruan UNICEF sangat sejalan dengan apa yang sering diingatkan oleh Sri Paus Fransiskus bahawa setiap orang dan setiap kanak-kanak memiliki martabat, memiliki hak: patut mendapat perhatian.

Sahel Tengah adalah wilayah yang luas, namun sering terabai oleh media antarabangsa.

"Sahel adalah wilayah yang tidak mendapat banyak perhatian, itulah sebabnya kami mengibarkan bendera merah dan membuat publisiti hebat akan laporan ini yang mengatakan: "Lihat, ada sesuatu yang serius terjadi dan semakin memburuk!"

Laporan itu, tegasnya, adalah peringatan untuk mengatakan, "Wilayah ini perlu perhatian!" — *media Vatikan*



UNICEF hadir di daerah bergejolak di Sahel Tengah

Menjadi 'makhluk baharu' dengan diubah oleh Yesus

VATIKAN: "Ubah hidup anda sekarang dengan membiarkan Yesus mengubah anda, dan menjadi makhluk baharu, seperti yang dilakukan oleh Sto Paulus," ujar Sri Paus Fransiskus semasa audiensi bersama umat awam di Dataran Sto Petrus, Mac 29 lalu.

"Tidak pernah terlambat untuk bermula, dan kita perlu tahu, di mana kedudukan Yesus dalam hidup kita?"

Meneruskan siri katekesisnya tentang semangat penginjilan, Sri Paus Fransiskus menyerlahkan figura penginjilan yang aktif iaitu Rasul Paulus, yang menjadi "ciptaan baharu" setelah bertobat.

Bapa Suci mengatakan setelah Yesus memasuki kehidupan Paulus, segala-galanya berubah. Begitu juga dengan riwayat para kudus lain, mereka juga diubah setelah menerima Yesus dalam hidup mereka.

Menurut Sangti Papa, Paulus dari Tarsus adalah contoh "pertobatan" sejati, di mana semangat mencintai hukumnya sehingga sanggup menganiaya orang Kristian, berubah menjadi semangat mencintai Injil.

"Apa yang mengubah Paulus? Apa yang mendorong semangatnya sehingga berkobar-kobar memberitakan Injil?"

"Apa yang menyebabkan Paulus bertobat, bukanlah idea atau keyakinan semata-mata: tetapi pertemuan Paulus dengan Tuhan yang sudah Bangkit telah mengubah keperibadian Paulus."

"Semangat untuk Injil bukanlah tentang pemahaman atau kajian semata-mata. Semangat untuk Injil lebih bermakna apabila



Sri Paus Fransiskus, duduk di atas kerusi roda sambil menyapa seorang kanak-kanak selepas audiensi umum bersama umat awam pada Januari 25, 2023.

kita dapat melalui pengalaman yang sama seperti Paulus, yang "jatuh dan bangkit" dan ini merupakan permulaan transformasinya menjadi seorang pengkhotbah dan penginjil hebat."

"Kemanusiaan Paulus, semangatnya dalam mencintai dan memuliakan Tuhan, telah ditransformasikan oleh Kristus. Setiap aspek hidup Paulus, telah dijajah dan ditransformasi oleh Tuhan."

Sama seperti yang berlaku semasa Ekaristi, di mana roti dan anggur tidak hilang sebaliknya menjadi Tubuh dan Darah Kristus, begitu juga dengan Paulus, semangatnya tetap sama tetapi kini ia telah ditransformasi menjadi semangat berkobar-kobar untuk Kristus.

Sto Paulus sendiri berkata, "Sesiapa yang berada dalam Kristus adalah ciptaan

baharu: perkara-perkara lama telah berlalu, kini, lihatlah, perkara baharu telah datang."

Kesihatan Sri Paus semakin pulih

Selepas mengadakan audiensi di sebelah pagi pada Mac 29, Sri Paus telah ke hospital Gemelli Roma untuk menjalani pemeriksaan jangkitan paru-paru selama beberapa hari.

Kenyataan Pejabat Akhbar Takhta Suci pada Mac 30, melaporkan kesihatan Bapa Suci semakin pulih dan masih berada di hospital pada ketika itu untuk terus menerima rawatan infeksi paru-paru.

Dilaporkan bahawa Sri Paus Fransiskus beristirahat dengan baik pada malam hari, kata direktor Pejabat Akhbar Takhta Suci dalam kenyataan terbaharu mereka kepada wartawan. — *media Vatikan*

MAKANAN UNTUK JIWA

Mahu bahagia? Dengarlah kata-kata malaikat di makam kosong Yesus

Jika kita mahu bahagia, kita perlu mendengar kata-kata bijak malaikat yang berada di makam kosong Yesus.

Penulis abad kesembilan belas Elizabeth Hasell, pernah mengulas tentang hal ini dalam bukunya *Meditations for Passion and Eastertide*.

Elizabeth menulis, malaikat yang ditemui oleh para wanita yang mahu menjenguk makam Yesus pada pagi Paskah, sedang duduk di atas batu penutup dengan pakaian bersinar-sinar.

"Perhatikan apa yang dikatakan oleh malaikat itu," kata Elizabeth.

Malaikat itu berkata, Yesus tidak ada di dalam makam kerana Dia sudah bangkit serta menasihati para wanita yang mahu merawat jenazah Yesus tersebut agar jangan mencari Dia yang hidup di kalangan orang mati. Kalimat malaikat itu sangat berkuasa! Bukan kerana dia malaikat tetapi inti pesanan itu sangat ajaib!

Dalam renungannya, Elizabeth mengatakan kita kerap mencari kebahagiaan di "kalangan orang mati" atau tertumpu kepada perkara-perkara yang tidak tahan lama.

Apa yang kita cari? Kelegaan, rehat, keselesaan, keseronokan, kebahagiaan. Di mana saya dapat memperolehnya? Di dunia ini? Jika kita mendapati kelegaan dan kegembiraan itu ada di dunia ini, maka ya, kita mencari "yang hidup di kalangan orang mati"!



Bolehkah kita mendapat rahmat sukacita dari perkara-perkara duniawi, di mana dosa bercampur baur dengan pelbagai masalah. Dan adakah perkara dunia ini dapat menyelesaikan kemelut kita?

Adakah tindakan kita ini bijak, apabila kita terus mencari kebahagiaan ke tempat yang tidak akan memenuhi keinginan kita secara sempurna dan apa yang kita miliki itu sebenarnya tidak akan sempurna dan ia tidak berkekalan.

Sto Augustinus dalam Pengakuannya mengatakan, "Engkau telah mencipta kami

dan menarik kami kepada-Mu dan hati kami tidak akan bertenang, selagi kami tidak kembali di pangkuan-Mu."

Kita sentiasa terganggu dengan tarikan kebahagiaan duniawi, menumpukan usaha kita untuk mengekalkan keperluan fizikal dan duniawi kita.

Walaupun Tuhan tidak menafikan keinginan kita untuk kesenangan duniawi, Dia menggesa kita untuk menyerahkan segala-gala kepada-Nya dan mencari Dia, terlebih dahulu sebelum perkara lain! — *Aletia*

PENULIS BERKICAU

Paskah melawan budaya mati!

Mengapa kamu mencari Dia yang hidup, di antara orang mati? (Lukas 24:5). Kata-kata ini sangat hebat, mempesona dan mempunyai sesuatu untuk kita renungkan.

Kita kerap melihat kehidupan dan realiti dengan mata yang 'kabur'. Mata kita hanya tertumpu pada diri sendiri, kekecewaan yang dialami atau mungkin terpenjara dengan sikap tidak peduli.

Biarpun kita selalu mengeluh atau mengadu tetapi perkara-perkara tidak akan berubah. Tanpa disedari, kita berhenti di hadapan makam Yesus, kebahagiaan dan harapan kita terkubur di hadapan makam Yesus.

Tetapi, pada Hari Raya Paskah ini, Tuhan ingin memberi kita mata yang berbeza, Dia mahu memberikan kita hidup dengan harapan bahawa ketakutan, kesakitan dan kematian tidak berkuasa ke atas kita!

"Dia tidak ada di sini, Dia telah bangkit!" (Lukas 24:6). Adakah kata-kata ini selalu terganggu-nyang di telinga kita? Apakah kita hanya mendengar, tetapi kita masih berlegar legar di hadapan makam Yesus? Apakah kita memahami apa yang disampaikan oleh malaikat itu?

Kita tidak dapat meraikan Paskah jika kita terus 'mati'; jika kita kekal masih dalam penjara masa lampau: tidak dapat mengampuni, tidak berani untuk berubah, tidak berani untuk memecahkan karya-karya jahat dan tidak berani menerima cinta Yesus.

Tuhan sudah bangkit! Dia tidak ada di kuburan. Paskah bukan untuk meratapi kematian Yesus, tetapi untuk membuka hati kepada pesan luar biasa kemenangan Tuhan yang mengalahkan kejahatan dan kematian.

Seperti para wanita dalam Injil Lukas 24, mereka bersukacita akan kebangkitan Yesus dengan cara memberitakan pesan ini kepada ramai orang bahawa Kristus telah bangkit. Mereka menceritakan pengalaman gembira mereka bahawa Yesus sudah bangkit kepada kesebelas rasul, kepada para wanita yang setia kepada Yesus dan saya pasti, kepada sesiapa sahaja yang mahu mendengar.

Meskipun yang mendengar, ada yang tidak percaya, bagi mereka perkataan-perkataan itu seakan-akan omong kosong (Lukas 24: 11) tetapi tidak ada orang yang dapat menahan rasa sukacita para wanita itu yang mengalami kebangkitan Yesus!

Dan betapa indahnya, kita sebagai umat Katolik, dapat membawa Yesus yang sudah bangkit ke dalam kehidupan seharian kita: melalui karya keamanan kita pada hari-hari yang ditandai dengan kengerian perang, melalui tindakan perdamaian di tengah-tengah hubungan yang rosak dan melalui aksi cinta dan persaudaraan, terus menerima saudara dan saudari berlainan iman, menghormati serta menjadi agen damai di tengah-tengah situasi ketidakadilan dan menyokong kebenaran di tengah-tengah pembohongan.

Mari kita mendoakan mereka yang sedang menderita kerana pelbagai situasi: Yesus sudah bangkit dan berjalan di tengah-tengah kita, mengubah kita dan membebaskan kita!

KENYATAAN MISI HERALD

HERALD adalah Minggu Katolik Gereja Malaysia. Ia berusaha untuk menyampaikan berita-berita terkini, nilai-nilai Kristian dan berusaha untuk berdialog dengan semua sektor masyarakat untuk membina komuniti beriman kepada Tuhan yang harmoni. Kami menyokong pembentukan Gereja dan menggalakkan umat awam dan religius untuk membuat keputusan moral di arena luar Gereja.

Perkongsian iman para baptisan baharu 2023

Mengapa saya menjadi pengikut Yesus?

Ingin menghidupkan budaya menyembah Tuhan dalam keluarga

Saya seorang suri rumah yang Smasih muda. Sebelum ini saya tidak mengenali Yesus.


Saya mula mengetahui tentang Yesus melalui keluarga dan kawan-kawan. Setelah mengetahui sedikit tentang Yesus, tiba-tiba timbul keinginan untuk mahu mengenali-Nya lebih dekat lagi.

Saya merasakan sebagai seorang surirumah, saya harus mempunyai suatu pegangan supaya saya boleh membentuk kehidupan anak-anak saya dengan lebih berkesan.

Saya yakin melalui ajaran Yesus semuanya itu dapat saya capai.

Tidak terasa masa berjalan begitu pantas kerana kelas IKD yang saya sertai selama hampir dua tahun, sangat menarik dan sangat membantu persiapan saya untuk menerima iman Katolik.

Setelah mengikuti upacara Tobat yang ketiga, saya semakin percaya akan Yesus dan saya ingin terus beriman kepada-Nya, dan mahu me-



wariskan iman ini untuk anak-anak saya.

Dalam nama Yesus, saya tahu Dia adalah keselamatan. Lebih baik memilih Yesus, "terang sejati", daripada "kilau kekayaan, karier, kesombongan, dan kesenangan".

Dan paling penting, sebagai seorang yang telah dibaptis, saya berdoa agar saya dapat menjalankan misi pembaptisan saya, untuk terus mampu memberi terang kedamaian dan harapan kepada keluarga dan mereka yang masih belum mengenal Kristus. — **Wong Siew Mah, Gereja St Peter Bundu, Kuala Penyu**

Tidak ada kepalsuan dalam Yesus

Saya mengenal agama Katolik melalui datuk dan nenek saya yang terlebih dahulu menganut agama Katolik.

Sudah agak lama saya mahu mengikuti Yesus melalui gereja Katolik.

Setelah membuat pertimbangan dan berbincang dengan keluarga, saya telah mendaftarkan diri untuk mengikuti Kelas IKD di Paroki St. Peter Bundu sebelum negara dilanda pandemik.

Disebabkan pandemik Covid-19, pembelajaran IKD saya tertunda. Walau bagaimanapun, hal tersebut tidak memadamkan hasrat saya untuk dibaptis.

Sebelum menyertai kelas IKD, pengetahuan saya tentang ajaran Gereja sangat dangkal.

Kini, melalui bimbingan para Katekis dan pelbagai individu beriman, saya banyak mengetahui kisah-kisah menarik para santo, perayaan-perayaan besar Gereja, penjelasan tentang Tritunggal Maha



Kudus, maksud Ekaristi dan banyak lagi.

Begitu juga dengan upacara-upacara persiapan sebelum dibaptis pada malam Paskah, ia menyedarkan saya betapa indahnya iman dalam Kristus.

Saya dapat merasakan kasih sayang Yesus melalui layanan serta keakraban daripada orang-orang yang ada di sekeliling saya.

Saya amat meyakini, setelah menjadi pengikut Yesus dan Yesus ada dalam hidup saya, saya akan dapat mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat kelak.

Melalui Yesus, saya boleh berkongsi kebahagiaan sesama keluarga dan sesama.

Saya amat bersyukur kepada Yesus kerana mahu menerima saya menjadi pengikut-Nya dan terima kasih buat semua para Katekis Pembimbing yang baik.

Semoga kita semua diberkati. — **Praycella Pison, Gereja St Peter Bundu, Kuala Penyu**



Ketika aku lapar, Tuhan mengenyangkan aku dengan Firman-Nya...

Ketika Aku lapar, kamu memberi aku makanan (Mat 25:35) ... ini adalah salah satu Sabda Yesus dalam Injil yang mendorong saya menganut agama Katolik.

Saya dilahirkan dalam keluarga Protestan. Semasa remaja, saya mula tertarik dengan ajaran Gereja Katolik seperti tujuh Sakramen dan tentang Santa Perawan Maria.

Pada ketika itu, saya bersekolah di Sekolah Menengah Mission Katolik. Maka, sering mendengar pengalaman gembira rakan-rakan Katolik semasa mereka menyertai Misa Kudus atau aktiviti Gereja.

Ini mencetuskan keinginan dalam diri saya untuk mengetahui, apa yang ada di Gereja?

Saya mengikuti rakan-rakan

menghadiri Misa Kudus pelajar dan sekali sekala menyertai kelas rohani selepas waktu sekolah yang diadakan seminggu sekali.

Ia memberi kesan mendalam terhadap diri saya. Oleh itu, selepas tamat belajar di Tingkatan Lima, saya terus menghadiri Misa Kudus.

Setiap kali melihat umat menyambut Tubuh Yesus, saya berasa sangat iri hati dan merindui untuk santap roti kudus itu.

Akhirnya, pada tahun 2019, saya memberanikan diri untuk menyertai kelas IKD. Keluarga menerima keputusan saya untuk menyertai Gereja Katolik kerana melihat perubahan positif dalam diri saya selepas kerap ke gereja.

Ketika dunia dilanda pandemik,



kelas IKD dan pembaptisan tidak dapat diadakan, saya tidak putus asa.

Selepas dibaptis, saya ingin memperdalamkan lagi iman saya agar dapat membantu Gereja dalam pewartaan Khabar Gembira. — **Fidelia Markus, Pulau Pinang**

Percaya akan kuasa Injil

Kehilangan ibu bapa sejak kecil menyebabkan saya menjadi seorang pendiam.

Bapa saudara saya seorang Katolik, telah mengambil saya untuk tinggal bersamanya. Dia dan keluarganya sangat baik.

Saya perhatikan, mereka sering berdoa sebelum makan, berdoa rosari bersama rakan-rakan mereka di rumah serta ke Gereja pada setiap hari Minggu dan rajin menghadiri pertemuan-pertemuan KED.

Bukan itu sahaja, setiap perayaan-perayaan penting, seperti hari ulang tahun, peringatan arwah, kesyukuran dan sebagainya, mereka akan mengadakan upacara doa. Saya ingin tahu, apa atau siapa sumber iman mereka?



Saya menyangka, mereka diperintahkan berbuat demikian oleh pemimpin Gereja.

Namun setelah menghadiri Misa Kudus buat pertama kali, kira-kira empat tahun lalu, saya mendapati, sumber harapan, kekuatan dan doa mereka adalah dari Ekaristi!

Bapa saudara saya tidak pernah

memaksa atau menyuruh saya untuk menganut agama Katolik.

Apabila melihat saya mula rajin mengikuti perayaan Ekaristi dan ada minat untuk menyertai aktiviti belia, dia berbincang dengan saya, apakah saya mahu dibaptis?

Pada mulanya, saya lebih senang agar tidak terikat dengan komitmen. Tetapi, selepas menyaksikan sepupu saya menerima Sakramen Komuni pertama dan Sakramen Krisma, saya terbuka hati untuk menyertai kelas IKD pada tahun 2021.

Saya memilih nama pembaptisan Steven, kerana diinspirasi oleh kisah martir pertama gereja Kristian, Stefanus.

Semoga rahmat pembaptisan ini memberi saya kekuatan untuk berkongsi Sabda Kebenaran Tuhan kepada sesama. — **Steven Lye, Jasin, Melaka**

Anugerah hidup baharu

Sebelum saya menyertai kelas SIKD di Gereja Most Holy Redeemer, Tg Malim, saya merupakan penganut ajaran adat lama di kampung iaitu Adat Miring kaum Dayak.

Setelah saya melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Sarjana Muda di UPSI, saya mula mengenal agama Katolik melalui rakan-rakan saya.

Lalu saya mula setiap hujung minggu, menyertai misa senja di Gereja dan mula terbuka hati untuk mempelajari serta mendalami ajaran Gereja Katolik.

Sepanjang kelas IKD dijalankan saya telah banyak mempelajari tentang sakramen, liturgi, doa-doa Katolik dan ajaran sosial gereja.

Bukan itu sahaja, melalui komuniti beriman dan para ketekis pembimbing yang berjalan bersama saya, menguatkan semangat saya untuk menghadapi pelbagai godaan.

Sekarang dengan Tuhan Yesus dalam kehidupan saya, saya rasa lebih bahagia dan saya berharap agar dapat menyebarkan berita baik injil Tuhan



Yesus kepada orang lain malahan saya akan menjadi pengikut setia Tuhan Yesus. — **Irene Wenderina Anak January, Gereja Holy Redeemer, Tg Malim, Perak**